

24/01/2003

Wanita Umno janji 1.2 juta tandatangan

KUALA LUMPUR: Kempen sejuta tandatangan Perikatan Keamanan Malaysia (Aman Malaysia) dalam usaha menentang keganasan dijangka melebihi sasaran berikutan janji Wanita Umno untuk mendapatkan tandatangan 1.2 juta ahlinya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Wanita Umno akan berusaha mendapatkan seberapa banyak tandatangan ahli dan anggota keluarga mereka sebagai tanda sokongan kepada kempen antipeperangan berkenaan, yang dilancarkan Pergerakan Pemuda Umno.

Beliau berkata, Wanita Umno juga akan menjadi penyelaras pameran menentang keganasan yang akan diadakan dari 15 hingga 25 Februari depan, bertempat di KLCC, dekat sini.

Wanita Umno, katanya, akan menghantar 100,000 ahlinya pada perhimpunan 23 Februari depan untuk menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dunia akan melihat bahawa Malaysia serius menentang keganasan yang digunakan di Iraq. Kita mahu apa yang dilakukan di Palestin dihentikan dan

mencari jalan penyelesaian bagi menangani masalah di negara itu.

"Malaysia berdiri teguh di bawah pucuk kepimpinan dalam menentang keganasan," katanya selepas mesyuarat Exco Wanita Umno, di sini semalam.

Rafidah kemudiannya menerima borang tandatangan daripada Penyelaras Aman

Malaysia, Zulkifli Alwi dan menjadi ahli Wanita Umno pertama menurunkan tandatangan menyokong kempen antikeganasan itu.

Penaung Aman Malaysia, Datuk Hishammuddin Hussein, sebelum ini berkata kempen itu yang bertujuan mewujudkan keamanan dan kestabilan sejagat diteruskan sehingga ke sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)

Oktober ini, bagi menyuarakan kecaman terhadap ketidakadilan serta kezaliman kuasa besar terhadap negara kecil dan tidak berupaya.

Selain Kempen Sejuta Tandatangan/SMS bagi Keamanan Dunia dengan Keadilan

serta pameran, kempen Aman Malaysia turut membabitkan program Jelajah Keamanan Rakyat Malaysia (seminar dan bengkel), Forum Kesan Perang Terhadap Wanita dan Kanak-kanak, Persidangan Antarabangsa Aman Malaysia dan Konsert Keamanan.